



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**FAKTOR-FAKTOR PENERIMAANGUNA TEKNOLOGI GETAH
MATANG DI KALANGAN PEKEBUN GETAH DI JAJAHAN
MACHANG, KELANTAN**

SUHAIMI BIN SALLEH

FPP L 1996 4

FAKTOR-FAKTOR PENERIMAANGUNA TEKNOLOGI GETAH MATANG
DI KALANGAN PEKEBUN GETAH DI JAJAHAN
MACHANG, KELANTAN

SUHAIMI BIN SALLEH

MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

1996



**FAKTOR-FAKTOR PENERIMAANGUNA TEKNOLOGI GETAH MATANG
DI KALANGAN PEKEBUN GETAH DI JAJAHAN
MACHANG, KELANTAN**

oleh

SUHAIMI BIN SALLEH

Projek Penyelidikan ini disediakan sebagai memenuhi sebahagian syarat Sarjana Sains
di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan,
Universiti Pertanian Malaysia.

December 1996

ii



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih.

Saya memanjatkan syukur kepada Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya saya dapat menyiapkan kertas projek ini. Dalam usaha menyiapkan kertas projek ini saya telah diberi bimbingan, bantuan, galakan, dorongan dan kerjasama oleh semua pihak terutama sekali penyelia, pensyarah dan kakitangan Universiti Pertanian Malaysia, khususnya di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan. Rakan-rakan sepengajian juga telah banyak memberikan sumbangan ke arah ini.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr. Azahari Ismail, selaku penyelia yang memberi perangsang, panduan dan kerjasama yang tidak ternilai dalam penyediaan laporan kertas projek ini. Saya juga sangat terhutang budi dan amat menghargai jasa-jasa yang dicurahkan oleh pensyarah-pensyarah yang telah mengajar saya khususnya Dato' Dr. Mohd Nasir Ismail, Dr. Abu Daud Silong, Dr. Hajjah Aminah Ahmad, Dr. Hj Azimi Hamzah, Dr. Hj Turiman Suandi, Dr. Bahaman Abu Samah, Dr. Ezhar Tamam, Dr. Hajjah Mazanah Mohammad, Dr. Hajjah Asma Ahmad, Dr. Narimah Ismail, dan En. Omar Ismail.



Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan RISDA, khususnya Yang Berbahagia Dato' Hj Shahabudin Shafie, Ketua Pengarah RISDA, yang telah membenarkan saya mengambil jurusan ini. Juga tidak ketinggalan kepada Pengarah RISDA Negeri Kelantan, dan pegawai serta kakitangan RISDA Jajahan Machang. Terima kasih saya juga ditujukan kepada semua pekebun getah yang begitu sabar dan ikhlas dalam memberikan maklumat semasa ditemubual. Sesungguhnya tanpa kerjasama semua pihak, kajian ini tidak dapat disempurnakan

Kepada keluarga, khususnya ibu, ayah, isteri dan anak-anak, sesungguhnya doa restu dan pengorbanan yang diberikan sentiasa menjadi pendorong yang tidak ternilai. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada mereka semua

Akhirnya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha ini yang mana tidak dapat saya sebutkan namanya di sini satu persatu

Semoga Allah memberikan keredhaan dan membalas jasa mereka masing-masing dengan kebaikan dan ganjaran yang setimpal

KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan	iv
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Abstrak	xi
Abstract	xii

BAB

I	PENDAHULUAN	
	Pengeluaran Getah Asli Dunia	1
	Pengeluaran Getah Asli di Malaysia	2
	Masa Depan Industri Getah Malaysia	4
	Usaha Pemindahan Teknologi Getah	5
	Kenyataan Masalah	7
	Objektif Kajian	9
	Kepentingan Kajian	9
	Definisi Istilah	10
II	SOROTAN LITERATUR	13
	Pengenalan	13
	Keperluan kepada Perubahan	13
	Konsep Teknologi, Inovasi dan Pengembangan	14
	Struktur Pemindahan Teknologi Getah	16
	Proses Pemindahan Teknologi	19
	Proses Penerimaanguna Teknologi	20
	Fungsi Pengetahuan	20
	Fungsi Pemujukan	21
	Fungsi Keputusan	22
	Fungsi Penentuan	23
	Tahap Penerimaanguna Teknologi	23
	Teknologi Getah Matang Yang Disyorkan	24
	Kawalan Rumpai	24
	Pembajaan Pokok Getah Matang	25
	Penggunaan Etefon	25
	Torehan Keckerapan Rendah	27
	Jaket AAR	28
	REACTORRIM	28



Faktor-Faktor Yang Berkaitan Dengan Penerimaanguna Teknologi	29
Sifat Teknologi Baru	29
Faktor Peribadi	30
Faktor Sosial	30
Punca maklumat.....	31
Pemimpin Tempatan.....	31
Organisasi Sosial	32
Faktor Organisasi	32
Rangka Konsep Kajian	33
Angkubah Bersandar.....	34
Angkubah Bebas.....	34
III METODOLOGI KAJIAN.....	35
Pengenalan.....	35
Latar Belakang Kawasan Kajian	35
Populasi dan Prosedur Persampelan.....	36
Instrumentasi Kajian	38
Operasi Pengukuran Tahap Penerimaanguna Teknologi.....	39
Kaedah Pengukuran Angkubah Bebas	40
Pemproses dan Menganalisis Data	41
IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	42
Latar Belakang Responden	42
Latar Belakang Kebun Responden	47
Latar Belakang Kegiatan dan Pengalaman Responden.....	49
Tahap Penerimaanguna Teknologi Getah Matang	51
Kawalan Rumpai	51
Pembajaan	53
Penggunaan Etefon	55
Tahap Penerimaanguna Teknologi Getah Matang.....	57
Perkaitan Antara Angkubah Bersandar Dengan Angkubah- Angkubah Bebas.....	60
Perkaitan antara TPT dengan Umur	61
Perkaitan antara TPT dengan Pengalaman.....	61
Perkaitan antara TPT dengan Pendapatan	61
Perkaitan antara TPT dengan Pendidikan	62
Perkaitan antara TPT dengan Kegiatan Sosial.....	62

	Muka Surat
V. KESIMPULAN DAN CADANGAN	63
Kesimpulan.....	64
Cadangan	67
Cadangan Kajian akan Datang.....	69
DAFTAR RUJUKAN.....	70
SENARAI LAMPIRAN.....	
1 Surat Kebenaran Membuat Kajian.....	75
2 Borang Soal Selidik.....	77
BUTIR DIRI.....	92



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Bilangan Pekebun di Jajahan Macang, Kelantan	37
2	Taburan Responden Mengikut Ciri-Ciri Demografi	43
3	Latar Belakang Kebun Dari Segi Pendapatan Pekerjaan Utama Dan Kenderaan Di Miliki	45
4	Latar Belakang Kebun Responden	47
5	Latar Belakang Kegiatan dan Pengalaman Responden ..	49
6	Taburan Responden mengikut Teknologi Kawalan Rumpai.....	52
7	Taburan Responden mengikut Teknologi Pembajaan	53
8	Taburan Responden mengikut Penggunaan Teknologi Etefon	55
9	Taburan Responden mengikut Tahap Penerimaanguna Teknologi Getah Matang	58
10	Taburan Responden Perkaitan Antara Angkubah Bersandar dan Angkubah Bebas	60



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Aliran Teknologi RRIM kepada Sektor Pekebun Getah.....	18
2	Rangka Konsep Kajian	34

Abstrak Projek Penyelidikan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapat Ijazah Sarjana Sains, Universiti Pertanian Malaysia

**FAKTOR-FAKTOR PENERIMAANGUNA TEKNOLOGI GETAH MATANG
DI KALANGAN PEKEBUN GETAH DI JAJAHAN
MACHANG, KELANTAN**

Oleh

SUHAIMI BIN SALLEH

DECEMBER 1996

Penyelia : Prof. Madya Dr. Azahari bin Ismail

Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Kajian ini berkaitan dengan pemindahan teknologi getah matang yang dilaksanakan oleh RISDA. Kajian bertujuan untuk mengetahui tahap dan faktor-faktor berhubung dengan penerimaanguna teknologi di kalangan pekebun getah di Jajahan Machang, Kelantan. Tiga teknologi asas telah dipilih iaitu kawalan rumpai, pembajaan dan penggunaan etefon. Responden telah dipilih dari senarai pekebun getah yang menjadi pemilik pengusaha dan tinggal di Jajahan Machang. Seramai 123 orang pekebun dari enam daerah dalam Jajahan Machang telah ditemu bual menggunakan borang temu bual yang dikendalikan oleh penyelidik.



Hasil kajian menunjukkan tahap penerimaanguna teknologi pekebun getah dalam jajahan ini adalah sederhana. Selanjutnya potensi untuk meningkatkan hasil melalui amalan teknologi pengeluaran yang lain adalah juga terhad kerana pembajaan kebun tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Amalan pembajaan didapati tidak dilakukan dengan sepatutnya dan pekebun getah di jajahan ini banyak bergantung kepada bantuan subsidi.

Kajian ini juga menunjukkan faktor pendapatan, jangkamasa persekolahan dan penyertaan dalam kegiatan sosial mempunyai pertalian positif yang lemah dengan penerimaanguna teknologi, manakala faktor umur dan pengalaman berkebun getah mempunyai pertalian negatif yang lemah.

Kajian ini menunjukkan bahawa pihak agensi yang terlibat dengan pemindahan teknologi, khususnya RISDA perlu mengubah cara pendekatan dalam menyalurkan teknologi kepada pekebun getah. Pekebun pula perlu dibantu untuk meningkatkan prestasi pengurusan agar setara dengan pengurusan sektor estet. Bantuan khidmat nasihat dan penyaluran maklumat teknologi baru dari agensi juga perlu dipertingkatkan melalui kaedah yang lebih berkesan supaya pengetahuan yang terbaik disampaikan kepada pekebun. Segala kemudahan input untuk mengamalkan teknologi getah matang perlu disediakan dengan mencukupi supaya mudah didapati di pasaran terdekat dengan harga yang berpatutan.

Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk memperbaiki kelemahan yang ada bagi meningkatkan penerimaanguna teknologi getah matang di kalangan pekebun. Cadangan juga dibuat untuk kajian selanjutnya dalam bidang ini.

Abstract of Research Project in partial fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science at Universiti Pertanian Malaysia.

**FACTORS ASSOCIATED WITH ADOPTION OF MATURED RUBBER
TECHNOLOGIES AMONG RUBBER SMALLHOLDERS IN THE
DISTRICT OF MACHANG, KELANTAN**

By

SUHAIMI BIN SALLEH

DECEMBER 1996

Supervisor : Assoc. Prof. Dr. Azahari bin Ismail

Faculty: Centre for Extension and Continuing Education

This study is concerned with the transfer of matured rubber technologies carried out by RISDA. The objective of this study is to identify factors associated with the adoption of technology and the level of adoption among rubber smallholders in the district of Machang, Kelantan. Three basic technologies were chosen namely weed control, fertilizer application and etefon usage. The subject of this study were 123 smallholders from six mukims in the District of Machang. Using random table, the sample was chosen from the list of smallholders who were owner-operator



residing in the district. The interviews schedule personally conducted by the interviewer.

The finding reveals that the level of adoption of matured rubber technologies among smallholders in the district of Machang were moderately low. However, the potential for further adoption of other technologies to increase production were limited as fertilizer application was not widely practised throughout the district. The study also indicates that fertilizer application was not regularly practised. Most of the rubber smallholders depend on subsidies for their farm inputs.

The study shows that smallholders income, level of education, and social involvement have a weak positive relationships with technology adoption. On the other hand, their age and field experience have a weak negative relationship.

The study implies that RISDA as an implementing agency needs to improve the methods and approaches in transferring matured rubber technologies to smallholders. The smallholders also need assistance to improve their farm management practices to be at par with the estate standard. Extension and information services on new technologies should be upgraded. Relevant inputs for the adoption of those technologies should be made available at an affordable price to the smallholders.



Appropriate suggestions are offered to improve the present condition to enhance the adoption of mature rubber technologies among smallholders. Accordingly, suggestions for further research are also provided.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengeluaran Getah Asli Dunia

Getah asli masih menjadi bahan mentah yang penting kepada kebanyakan industri walaupun mendapat saingan daripada getah tiruan. Permintaan terhadap getah asli masih meningkat dari masa kemasa. Keadaan ini telah menarik minat beberapa buah negara yang sedang membangun untuk merebut peluang bagi memajukan industri getah negara masing-masing. Tindakan tersebut telah menyumbang kepada peningkatan pengeluaran getah asli dunia daripada 5.26 juta tan metrik pada tahun 1990 kepada 5.69 juta tan metrik pada tahun 1994 (Ministry of Primary Industries, Malaysia, 1995).

Pada masa yang sama, penggunaan getah asli juga telah meningkat daripada 5.31 juta tan metrik pada tahun 1990 kepada 5.58 juta tan metrik pada tahun 1994. Ini merupakan 39% daripada keperluan penggunaan getah dunia. Manakala baki sebanyak 61% lagi adalah ditampung oleh getah tiruan (Ministry of Primary Industries, Malaysia, 1995).

Kedudukan Malaysia sebagai pengeluar getah asli utama dunia sejak beberapa dekad yang lepas kini telah diambilalih oleh Thailand. Pada tahun 1994, Thailand telah berjaya mengeluarkan 1.71 juta tan metrik dan diikuti oleh Indonesia dengan pengeluaran sebanyak 1.35 juta tan metrik. Malaysia dengan

pengeluaran sebanyak 1.10 juta tan metrik menduduki tempat ketiga di kalangan negara pengeluar getah asli utama dunia. Namun demikian, Malaysia masih mendahului negara lain sebagai pengeksport lateks dengan jumlah eksport sebanyak 119,529 tan metrik pada tahun 1994 (Ministry of Primary Industries, Malaysia, 1995).

Bagi Indonesia, peningkatan jumlah pengeluaran adalah berpunca daripada pertambahan pesat jumlah keluasan tanaman getah melalui pembukaan kawasan-kawasan baru. Walaupun begitu, Indonesia masih jauh ketinggalan dari segi produktiviti berbanding dengan Malaysia. Negara tersebut masih belum dapat memperbaiki kadar produktiviti purata pada tahap 400 kg sehektar setahun sejak tahun 1980.

Bagi Thailand, peningkatan pengeluaran adalah berpunca dari pertambahan keluasan tanaman getah di samping peningkatan produktiviti. Kadar keluaran purata telah meningkat daripada 300 kg sehektar pada tahun 1980 kepada 800 kg sehektar pada tahun 1994 (Ministry of Primary Industries, Malaysia, 1995). Peningkatan produktiviti ini adalah disebabkan oleh pengamalan pesat teknologi terkini.

Pengeluaran Getah Asli di Malaysia.

Pada tahun 1994 keluasan kawasan tanaman getah di seluruh Malaysia adalah berjumlah 1.72 juta hektar. Dari keluasan tersebut, 83.6% adalah dimiliki oleh sektor pekebun yang mengeluarkan 0.8345 juta tan metrik getah kering atau

75.9% daripada jumlah keluaran. Sektor ladang yang hanya meliputi 16.4% dari jumlah keluasan mengeluarkan 0.2661 juta tan metrik getah kering atau 24.1% jumlah pengeluaran. (Ministry of Primary Industries, Malaysia, 1995).

Pertukaran jenis tanaman yang dibuat ke atas ladang dan kebun getah yang ditanam semula di samping dasar kerajaan yang tidak menggalakkan penanaman getah pada kawasan-kawasan penerokaan baru telah menyebabkan pengurangan keluasan kawasan tanaman getah negara. Pengurangan keluasan tanaman getah di sektor ladang berlaku pada kadar purata 12,000 hektar setahun bermula pada tahun 1990. Keadaan ini telah menyebabkan kemerosotan kepada keluaran hasil getah negara (Ministry of Primary Industries, Malaysia, 1995). Walaupun pengurangan keluasan turut berlaku di sektor pekebun, kadar pengurangan tidak begitu ketara berbanding dengan sektor ladang. Keadaan ini telah meletakkan sektor pekebun sebagai penyumbang utama kepada pengeluaran getah negara.

Walaupun sumbangan sektor pekebun sangat penting kepada industri getah negara, kadar keluaran sehektar dan mutu keluaran adalah rendah berbanding dengan sektor ladang (RISDA, 1995). Kemerosotan harga getah yang berterusan sejak dua dekad yang lepas turut menjejaskan keluaran getah negara. Harga getah yang rendah tidak mendorong pekerja untuk terus kekal di sektor ini (Che Ahmad, 1995).

Masa Depan Industri Getah di Malaysia.

Selaras dengan wawasan negara untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020, penekanan telah diberikan kepada sektor perindustrian dengan penyediaan kemudahan-kemudahan dan galakan bagi memesatkan lagi pertumbuhan industri-industri baru. Keadaan ini turut mempertingkatkan kadar penggunaan getah asli dalam negara.

Mengikut perangkaan, kadar penggunaan getah telah meningkat daripada 23,130 tan metrik pada tahun 1970 kepada 237,934 tan metrik pada tahun 1992. Berdasarkan perkembangan tersebut, kadar penggunaan getah dijangka akan terus meningkat kepada 300,000 tan metrik menjelang abad ke 21 (Che Ahmad, 1995). Ini menunjukkan industri getah negara perlu dikekalkan dan produktivitinya perlu dipertingkatkan lagi. Oleh yang demikian, penekanan hendaklah ditumpukan kepada meningkatkan kadar keluaran sehektar. Antara lain hasrat ini boleh dicapai melalui pengamalan teknologi baru yang berkesan.

Pihak Institut Penyelidikan Getah Malaysia atau Rubber Research Institute, Malaysia (RRIM), yang merupakan agensi penyelidikan bagi industri getah negara dengan mandat untuk menghasilkan teknologi terkini, telah berjaya memperkenalkan berbagai-bagai teknologi bagi meningkatkan pengeluaran kebun getah. Di antara teknologi tersebut ialah penggunaan Etefon, REACTORRIM untuk kebun kecil, RRIMflow untuk kawasan ladang dan pengamalan sistem torehan kekerapan rendah bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga penoreh.

Kesemua teknologi tersebut perlu dipraktikkan bersama dengan teknologi-teknologi asas seperti kawalan rumpai, kawalan musuh dan penyakit serta pembajaan yang sempurna.

Kerajaan juga telah membuat beberapa perubahan strategi dalam Dasar Pertanian Negara bagi memenuhi hasrat Wawasan 2020. Salah satu perubahan tersebut ialah mengurangkan kawasan tanaman getah daripada 1.2 juta hektar kepada 500,000 hektar sahaja menjelang tahun 2020, manakala pengeluarannya hendaklah kekalkan pada paras 1 juta tan metrik setahun (Che Ahmad, 1995). Bagi mengekalkan jumlah pengeluaran pada tahap tersebut, setiap hektar tanaman getah matang perlu mengeluarkan tidak kurang dari 2,000 kg getah kering sehektar setahun. Salah satu jalan penyelesaian kepada cabaran ini ialah dengan meningkatkan penggunaan teknologi terutama di sektor pekebun. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa teknologi berkaitan dengan bahan tanaman, amalan agronomi dan pengeluaran mampu meningkatkan produktiviti bagi mencapai matlamat yang ditetapkan (Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, 1985). Oleh yang demikian tumpuan khas kajian ini adalah kepada penggunaan teknologi getah matang di kalangan pekebun getah.

Usaha Pemandahan Teknologi Getah

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah atau Rubber Industries Smallholders Development Authority (RISDA) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1973. Agensi kerajaan ini telah diberi mandat untuk memajukan sektor

pekebun kecil dalam industri getah di Malaysia. Salah satu dari tugas utama RISDA ialah menjalankan khidmat pengembangan. Antara aktiviti-aktiviti yang berkaitan ialah mengadakan tunjukajar, memberi latihan kemahiran, dan menyampaikan maklumat dan teknologi terkini mengenai tanaman getah kepada pekebun getah. Adalah menjadi tanggungjawab RISDA untuk menyalurkan segala teknologi terkini hasil penemuan dari RRIM kepada pekebun getah.

RRIM telah ditubuhkan pada tahun 1923 dengan mandat untuk menjalankan penyelidikan dan kajian terhadap industri getah. RRIM merupakan satu-satunya pusat penyelidikan terbesar di dunia yang mengkaji hanya satu jenis tanaman utama sahaja (Lembaga Penyelidikan Dan Kemajuan Getah Malaysia, 1985). Bagi memastikan teknologi yang dihasilkan dari penyelidikan dapat disalurkan kepada pengguna, RRIM telah mewujudkan Bahagian Khidmat Nasihat (BKN) yang bertanggungjawab memberikan perkhidmatan kepada sektor ladang dan pekebun. Apabila RISDA ditubuhkan pada tahun 1973, semua aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan pengembangan dan pembangunan pekebun yang dahulunya dijalankan oleh RRIM diserahkan kepada RISDA.

Penggunaan teknologi sangat penting bagi mempertingkatkan produktiviti dan daya saing getah asli di pasaran dunia terutamanya bagi menyaingi penawaran getah tiruan yang semakin meningkat di samping merebut peluang terhadap peningkatan permintaan getah dunia. Statistik menunjukkan bahawa penggunaan getah tiruan di dunia telah meningkat daripada 21,000 tan metrik pada tahun 1991

kepada 143,800 tan metrik pada tahun 1994 (Ministry of Primary Industries, Malaysia 1995)

Peningkatan kos buruh merupakan ancaman yang serius kepada industri getah, kerana industri ini memerlukan penggunaan buruh yang intensif. Oleh itu sesuatu tindakan yang wajar perlu dilakukan supaya penggantungan sektor ini kepada tenaga buruh dapat dikurangkan. Antara lain usaha-usaha untuk menerapkan teknologi terkini kepada pekebun-pekebun wajar ditingkatkan.

Beberapa kajian penilaian terhadap pengamalan teknologi getah oleh pekebun menunjukkan penerimaan teknologi di kalangan pekebun adalah rendah (Idris, 1986, Raja Badrul Shah dan rakan-rakan, 1986a dan 1986b, Rahim dan rakan rakan, 1986). Kajian terhadap keluaran sektor pekebun koko juga menunjukkan bahawa hasil keluaran banyak bergantung kepada penerimaan dan amalan teknologi terkini (Ghazali dan rakan-rakan, 1992). Menurut laporan pihak RISDA, keluaran getah oleh pekebun perseorangan hanyalah kira-kira 10 kg KGK setask sehari sahaja, sedangkan potensi pengeluaran adalah pada kadar purata melebihi 20 kg KGK setask sehari (RISDA, 1995).

Kenyataan Masalah

Walaupun usaha penyelidikan dan pengembangan giat dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan, hasil keluaran pekebun getah masih rendah iaitu di antara 900 - 1,200 kg sehektar setahun, berbanding dengan keluaran sektor ladang

yang mencapai di antara 1,300 - 1,500 kg sehektar setahun (Malaysian Rubber Research and Development Board, 1993). Kajian juga menunjukkan bahawa usaha-usaha pengembangan tidak begitu berkesan, dan peranan agensi RISDA dipersoalkan. Sebaliknya pihak RISDA telah membelanjakan banyak wang untuk kegiatan pengembangan, latihan dan mengadakan kawasan percubaan bagi mengamalkan teknologi yang disyorkan di seluruh Negara. Persoalannya ialah sejauh mana penerimaan pekebun terhadap teknologi dan status amalannya di kebun mereka terutamanya teknologi getah matang. Cabaran pekebun ialah adakah sektor ini mampu memenuhi keperluan getah negara dengan berkurangnya pengeluaran dari sektor ladang. Cabaran ini dapat dijawab dengan mengetahui sejauh mana teknologi getah matang telah diterapkan dan diterimaguna oleh pekebun. Faktor-faktor yang berkaitan dengan penerimaanguna teknologi getah matang oleh pekebun perlu diketahui supaya kelemahan yang ada sekarang dapat diperbaiki. Melalui amalan teknologi getah matang keluaran hasil getah dapat ditingkatkan ketahap yang optimum seperti mana yang diperolehi oleh hasil penyelidikan, sektor ladang atau dapat mencapai matlamat pengeluaran yang ditentukan oleh RISDA iaitu pada paras purata 1,700 kg sehektar setahun. Teknologi yang disalurkan berupaya mengatasi masalah yang dihadapi oleh pekebun terutama untuk meningkatkan hasil. Masalah yang dihadapi oleh pekebun di peringkat ladang perlu diketahui dari semasa ke semasa supaya jalan penyelesaian yang boleh diambil untuk memastikan amalan teknologi dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan. Berdasarkan kepentingan tersebut kajian ini adalah perlu bagi mengetahui faktor-faktor yang